

# Downer puji Dr. Mahathir

UM 19 OCT 2003

BANGKOK 18 Okt. — Menteri Luar Australia, Alexander Downer hari ini menyatakan rasa kagum dengan kejayaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membangunkan ekonomi Malaysia.

Beliau berkata, Dr. Mahathir merupakan seorang pemimpin yang sering melemparkan kritikan dan mencetuskan kontroversi sejak berpuluh-puluh tahun lalu tetapi beliau meninggalkan ekonomi yang kukuh dan berdaya tahan apabila meletak jawatan pada akhir bulan ini.

“Saya melawat Malaysia pada tahun 1982 dan apabila saya memikirkan Malaysia sekarang, tentang perubahan yang telah dilalui, saya berasa kagum,” kata Downer kepada pemberita pada mesyuarat forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Bangkok.

“Semasa saya berada di sana pada 1982, beliau (Dr. Mahathir) melemparkan kritikan pedas terhadap Australia dalam satu jamuan makan malam rasmi,” katanya.

Downer mengakui beliau menyimpang daripada kelaziman apabila membincang mengenai Dr. Mahathir dan mengiktiraf pencapaian ekonomi Perdana Menteri Malaysia itu.

“Saya fikir Dr. Mahathir sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri telah meng-

dalikan ekonomi Malaysia dengan sangat baik,” katanya.

“Apabila kita melihat Malaysia moden dan membandingkannya dengan Malaysia pada waktu beliau mula-mula menjadi Perdana Menteri, kejayaan yang telah dicapai dalam tempoh itu sangat mengagumkan. Saya fikir adalah penting untuk kita mengakui hakikat itu,” jelas beliau.

Dr. Mahathir mencetuskan kontroversi sekali lagi pada minggu ini apabila beliau memberitahu hadirin dalam Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Ke-10 di Putrajaya bahawa kaum Yahudi ‘memerintah dunia melalui proksi’ dan umat Islam boleh mengeksploitasi sikap mereka yang semakin angkuh.

Downer berkata, beliau telah membangkitkan kenyataan itu dalam pertemuan dua hala dengan Timbalan Menteri Luar Malaysia, Datuk Leo Michael Toyad yang memberitahu beliau bahawa kenyataan Perdana Menteri telah dipetik di luar konteks.

“Menteri itu menyatakan beliau berpendapat kenyataan Dr. Mahathir telah disalahtafsirkan dan adalah penting seluruh ucapan itu dibaca mengikut konteks dan kita perlu memahami ucapan itu ditujukan kepada siapa,” kata Downer. — AFP